

Manuscript Submitted	: 5 Nov 2017
Accepted	: 23 Nov 2017
Published	: 25 Nov 2017

Kajian Preliminari Kelemahan dalam Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf di Malaysia

Mokmin Basri, Khirulnizam Abd Rahman, Mohd Sharul Nizam Mohd Danuri & Burhan Saleh

Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

mokmin@kuis.edu.my, khirulnizam@kuis.edu.my, msnizam@kuis.edu.my

Abstrak

Wakaf merupakan salah satu instrumen ekonomi yang penting dalam Islam. Berbagai aspek berkaitan dengan bidang wakaf telah dikaji dan dibahaskan oleh sarjana seperti kajian berkaitan sosio-politik, ekonomi, perakaunan dan pengurusan wakaf, model perniagaan untuk wakaf tanah, kajian keperluan maklumat serta kajian berkaitan pembangunan sistem pengurusan maklumat wakaf. Kertas ini dihasilkan daripada analisis susastera dengan mengumpul data kualitatif untuk menganalisis isu yang berkaitan penurusan maklumat wakaf di Malaysia. Analisis mendapati mendapati beberapa jurang dapat dikaitkan dengan pengurusan maklumat wakaf di agensi wakaf negeri di Malaysia. Penemuan kajian menunjukkan antara jurang yang ada adalah berkaitan kesukaran mengagihkan manfaat wakaf disebabkan oleh maklumat fail yang tidak lengkap, ketelusan dokumentasi wakaf, ketiadaan maklumat terperinci mengenai aset wakaf dan keperluan menyediakan maklumat yang cukup kepada pewakaf dan mereka yang berpotensi untuk berwakaf. Penemuan masalah di atas membuktikan tentang keperluan satu sistem pengurusan maklumat bersepadu dibangunkan agar makluamt wakaf dapat diuruskan dengan baik.

Pengenalan

Wakaf merupakan salah satu instrumen ekonomi yang penting dalam Islam. Instrumen ini berkembang dengan baik sejak pembinaan wakaf pertama iaitu Masjid Quba' dan wakaf kedua Masjid Nabawi di Madinah sewaktu hijrah Rasulullah pada tahun 622M. Wakaf terbukti telah memberi manfaat kepada rakyat dan membiayai perbelanjaan awam antaranya pembiayaan bagi pembangunan masjid, tanah kubur,

hospital, sekolah, bantuan anak yatim piatu, gudang, kedai roti, kilang dan lain-lain yayasan amal, pendidikan atau agama (Fayzee, 1974; Mahamood, 2006). Malah wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan tamadun Islam dan negara seperti yang dibuktikan dalam sejarah panjang lebih 600 tahun Kesultanan Osmaniah Turki (1299-1923). Di Malaysia, jumlah tanah wakaf adalah seluas 11,091.82 hektar di Seluruh negara. Namun, sehingga tahun 2016, hanya 23.771 (0.21%) hektar tanah dimajukan dengan pembangunan ruang niaga, rumah kedai, hotel, pusat dialisis, asrama anak yatim dan lain-lain (Harian Metro 2016). Manakala nilai harta wakaf di seluruh Malaysia pula dianggarkan bernilai RM111,413,889.85 berdasarkan kepada maklumat tahun 2010 (Sanep & Nur Diyana, 2011). Berbagai aspek telah dikaji dan dibahaskan oleh sarjana berkaitan dengan bidang wakaf seperti kajian berkaitan sosio-politik (Monzer, 2011), ekonomi (Muhammad Kholid et al. 2009), perakaunan dan pengurusan wakaf (Hidayatul & Shahul, 2011) dan model perniagaan untuk wakaf tanah (Norinah et al, 2015) serta wakaf pendidikan (Nurul Iman, 2017). Selain itu kajian keperluan maklumat wakaf (Maznah et al. 2014) serta kajian berkaitan pembangunan sistem pengurusan maklumat wakaf juga menjadi topik yang menarik minat penyelidik seperti kajian oleh Muhd Eizan et al. (2014). Kajian ini memfokus kepada aspek berkaitan pengurusan maklumat wakaf dan dijalankan bagi mengenalpasti apakah kelemahan dan masalah yang dikaitkan dengan sistem pengurusan maklumat wakaf di Malaysia.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pengumpulan dan analisis kualitatif teks dan dokumen seperti yang telah gunakan oleh Burger (1988), Powell (1991), Bryman (2001), Patton (2002) dan Creswell (2009). Kajian ini mengadaptasi pendekatan yang sama dengan Arnold (2007) dan Ahmad Naqiyuddin (2008) iaitu bertujuan untuk mengemukakan analisis dan intepretasi yang bersifat teori tanpa melihat hubungan sebab akibat berkaitan pengurusan maklumat wakaf dengan aspek lain seperti ekonomi, sosial, budaya dan lain-lain. Justeru kajian ini termasuk dalam kategori kajian asas kerana tujuan utamanya adalah untuk memperbaiki kefahaman umum berkaitan pengurusan maklumat wakaf Malaysia tanpa sebarang penekanan untuk mengaplikasikan penemuan kajian. Dokumen untuk kajian ini dikumpul dari sumber sekunder yang merangkumi tulisan ilmiah yang diterbitkan secara elektronik atau kertas. Kandungan bahan ini dianalisis bagi mengenalpasti sejarah dan isu berkaitan pengurusan maklumat wakaf di Malaysia. Kajian ini boleh dijadikan asas kepada kajian yang berkaitan dengan pengurusan maklumat wakaf pada masa akan datang. Dapatan kajian iaitu jurang atau masalah berkaitan dengan pengurusan maklumat wakaf di Malaysia boleh digunakan oleh pengkaji seterusnya terutamanya bagi

membangunkan kerangka konsep pengurusan maklumat wakaf yang berjaya mahupun untuk kajian lain yang berkaitan.

Sejarah Wakaf di Malaysia

Sejarah wakaf di Malaysia didakwa wujud lebih lapan ratus tahun dahulu yang dipercayai bermula sejak pedagang Arab membawa Islam ke tanah Melayu pada abad kesepuluh (Syed Othman, 1986). Hal ini dibuktikan dengan batu bersurat Terengganu bertarikh awal abad ke-13, yang juga merupakan rekod terawal yang dapat dikesan mencatatkan kehadiran syari'at Islam di Tanah Melayu (Ahmad Ibrahim, 2000; Mahmood, 2000). Walau bagaimanapun, tidak ada dokumen bertulis mengenai penubuhan institusi wakaf pertama di Malaysia sebelum abad kesembilan belas seperti yang dinyatakan di atas, kecuali penubuhan wakaf Masjid Capitan Kling di Pulau Pinang pada tahun 1801, diikuti oleh wakaf oleh seorang Kerabat Aceh, juga di Pulau Pinang (Nasution, 2002). Sementara itu Che Zuina et al. (2015) berpendapat sejarah wakaf di Malaysia dapat dikesan sejak seratus tahun yang lalu sesuai dengan dokumen mengenai amalan wakaf pertama yang dapat dilihat dalam "Enakmen Pencegahan Wakaf 1911" yang dikuatkuasakan di negeri Johor. Berkaitan dengan matlamat pula, di awal pekungannya, pendidikan menjadi matlamat utama kepada wakaf yang dibangun di Tanah Melayu terutama di Terengganu. Ini terbukti oleh satu warta wakaf diawal abad ke-sembilan belas oleh Sultan Umar yang menyatakan tujuan wakafnya adalah untuk mengembangkan pendidikan dan penyebaran pengetahuan kepada masyarakat (Mahmood, 2000).

Dari aspek urus tadbir wakaf, pada zaman dahulu umat Islam yang ingin berwakaf akan menemui ketua kampung atau Penghulu yang seterusnya secara tidak langsung menjadi pemegang amanah wakaf tersebut. Oleh itu, kebiasaanya tiada rekod wakaf dibuat kerana ia hanya berdasarkan transaksi lisan sahaja (Hisham, 2013). Masalah akan berlaku apabila Penghulu meninggal dunia dan digantikan oleh orang lain. Sebahagian pewaris kadang kala tidak mengisytiharkan harta wakaf malah menggunakannya sebagai harta persendirian mereka (Baharuddin, 1998). Dalam ertikata lain, amalan wakaf oleh orang Islam di Tanah Melayu tidak didokumenkan dengan betul. Pemimpin komuniti yang terlibat secara langsung dengan urusan Islam seperti Kadi, Imam, bahkan ketua kampung atau kawasan atau komiti masyarakat tertentu seperti Jawatankuasa Masjid, dilantik untuk mentadbir dan mengurus wakaf (Kamarudin, 1992). Mereka bertindak sebagai pemegang amanah atau mutawalli sehingga penguatkuasaan undang-undang Islam dikuatkuasakan oleh negeri-negeri. Selangor adalah negeri pertama

menyatakan untuk membenarkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pengurus harta wakaf pada tahun 1952 (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor, 1952). Langkah itu diikuti oleh Kelantan pada tahun 1953, Terengganu pada tahun 1955, Pahang pada tahun 1956, Melaka pada tahun 1959, Pulau Pinang pada tahun 1959, Negeri Sembilan pada tahun 1960, Kedah pada tahun 1962, Perlis pada tahun 1963, Perak pada 1965, Wilayah Persekutuan pada tahun 1974, Sabah pada tahun 1977, Johor pada tahun 1978, dan Sarawak pada tahun 2001 (Che Zuina et al. 2015).

Ketiadaan peruntukan undang-undang untuk pentadbiran wakaf pada masa lalu mengakibatkan pentadbiran tanah atau harta wakaf diurus secara tidak cekap dan tidak sistematik. Orang yang berniat untuk mewakafkan tanah mereka dibuat secara lisan dengan kehadiran dua saksi. Proses itu seterusnya diikuti dengan pelantikan pengurus wakaf untuk mentadbir dan mengurus tanah tersebut. Ketiadaan peruntukan undang-undang ini juga menyebabkan pelantikan pengurus wakaf dibuat ke atas individu terpilih yang dipercayai dan dihormati dalam masyarakat setempat seperti pimpinan setempat, alim ulama, guru agama, imam, ketua penduduk kampung dan ahli jawatankuasa masjid walaupun ada yang tidak mampu mentadbir, menguruskan dan membangunkan tanah wakaf. Hal ini menyebabkan berlakunya beberapa kes, perbuatan memindahkan hakmilik tanah wakaf ke atas nama mereka (Che Zuina et al. 2015). Dalam kes lain, sesetengah tanah tidak didaftarkan sebagai harta wakaf tetapi kekal didaftarkan di bawah nama pewakaf disebabkan kegagalan pengurus untuk merekodkan harta wakaf secara sistematik. Kaedah pentadbiran dan menguruskan tanah dan harta wakaf yang tidak sistematik tersebut diteruskan sehingga MAIN ditubuhkan dan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri di Malaysia (Pentadbiran Undang-undang Islam) diperkenalkan. MAIN kemudiannya diamanahkan dengan kuasa untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal untuk semua harta dan tanah wakaf di Malaysia. Namun pentadbiran dan pengurusan wakaf yang tidak teratur pada masa lalu khususnya ketiadaan rekod bertulis tanah wakaf dan kegagalan untuk mendaftarkan tanah yang telah diwakaf telah meninggalkan MAIN dengan dua masalah utama untuk diselesaikan. Pertama, MAIN mempunyai kesukaran untuk mengenal pasti bilangan sebenar, saiz dan lokasi tanah wakaf. Kedua, MAIN juga mempunyai masalah dalam menuntut hak sebagai pemegang amanah tunggal bagi wakaf yang tidak berdaftar. Masalahnya menjadi semakin rumit apabila pengurus wakaf yang dilantik telah meninggal dunia dan waris pula mendakwa bahawa harta atau tanah tersebut tidak diiktiraf sebagai wakaf oleh orang tua atau ahli keluarga mereka dahulu (Baharuddin, 1998).

Jurang Berkaitan Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf di Malaysia

Walaupun wakaf mula menunjukkan perkembangan yang baik di Malaysia, namun kajian lampau seperti yang dibentangkan di atas mendapati beberapa jurang perlu kepada penambahbaikan termasuk berkaitan dengan pengurusan maklumat. Penemuan ini diperkuatkan lagi dengan kajian yang dibuat oleh Mat Rani & Mohd Sha'ary (2014) berkaitan dengan pelaksanaan mekanisme istibdal bagi tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan oleh pihak kerajaan di negeri Terengganu. Mereka mendapati sekurang-kurangnya 94 lot tanah wakaf terlibat dengan pengambilan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri sejak tahun 1951. Kajian mereka juga menemukan antara kelemahan yang ketara adalah berkaitan dengan rekod atau maklumat pengambilan tanah. Pihak yang menguruskan tanah wakaf tidak menyenaraikan secara lengkap keseluruhan tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tersebut. Sementara itu, bagi wakaf khas masjid dan wakaf zuriat pula, manfaat sukar untuk diagihkan kepada penerima wakaf kerana melibatkan beberapa buah masjid dan ahli waris yang lain. Antara puncanya adalah kekurangan kakitangan dan maklumat fail yang tidak lengkap. Kajian Rabitah, Zuraidah & Norhidayah (2012), juga menunjukkan masalah berkaitan pengurusan maklumat. Mereka mengenalpasti antara masalah pentadbiran wakaf yang dihadapi di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berkaitan dengan ketelusan dokumentasi wakaf. Sewajarnya MAIN haruslah mengetahui keperluan maklumat yang diperlukan oleh pemegang taruh wakaf masing-masing (Zakaria, Hassan & Latiff, 2014). Sementara itu, wawancara dengan para pegawai MAIN terpilih di Malaysia turut menunjukkan tiada maklumat terperinci mengenai aset wakaf (Rosnia & Zurina, 2013). Kelemahan pengurusan maklumat wakaf ini bertentangan prinsip bahawa orang ramai perlu disediakan maklumat yang sewajarnya memerlukan lebih banyak maklumat mengenai bagaimana dan mengapa mereka harus menderma wakaf mereka (Hidayatul Ihsan & Shahul Hameed, (2011).

Penemuan masalah di atas mengukuhkan keperluan dan kewajaran satu sistem pengurusan maklumat bersepadu dibangunkan.

Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf Malaysia

Sistem Maklumat dirujuk sebagai sistem jenis sosio-teknikal (Essays, 2013). Ini bermaksud, sistem maklumat adalah kombinasi beberapa elemen seperti manusia, data, perkakasan, perisian, rangkaian dan prosedur yang saling berkaitan antara satu sama lain bagi menyediakan maklumat yang berguna kepada pengguna (Vermaat, Sebok, Freund, Campbell, & Frydenberg, 2016). Di Malaysia, kesedaran tentang

keperluan satu sistem pengurusan maklumat wakaf telah mula didapati. Kajian oleh Muhammad, Raditya & Kamal (2009) menyatakan keperluan kepada Sistem pengurusan maklumat Wakaf diwujudkan bagi menyokong projek yang membantu kelestarian sesuatu wakaf. Kajian awal juga mendapati terdapat beberapa penyelidikan berkaitan dengan sistem maklumat untuk wakaf tertentu telah dijalankan. Sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Muhd Eizan et al. (2014) membangunkan model dan sistem pengurusan maklumat *tree* berasaskan web. Sistem ini dibangunkan bagi membantu pengurusan wakaf yang dijangka dapat meningkatkan pendapatan dari sektor pertanian. Othman et al. (2011) pula membangunkan satu sistem iaitu e-wakaf tunai mengikut metod kejuruteraan sistem maklumat. Sistem ini telah direka secara khusus untuk pihak pentadbiran wakaf dengan menggunakan teknologi berasaskan laman web (*web-based*) di mana ia didakwa mampu memberi akses kepada pengguna sistem samada daripada dalam ataupun daripada luar organisasi. Tujuan utama dibangunkan sistem ini adalah bertujuan untuk memudahkan pihak pentadbiran dan pengurusan wakaf menghasilkan laporan mengikut spesifikasi laporan dan statistik tertentu, samada berdasarkan kepada bulanan, mengikut senarai pemohon, mengikut jumlah kewangan yang diperolehi dan juga laporan-laporan yang lain, di samping dapat menghasilkan maklumat dalam bentuk grafik untuk setiap laporan tersebut. Ini juga mampu memudahkan pihak pengurusan wakaf membuat analisa tertentu terhadap permohonan wakaf tunai yang dilakukan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan wakaf tunai kepada para pengguna sistem e-wakaf tunai. Selain Muhd Eizan et al (2014) dan Othman et al. (2011), Abdul Hamid (2016) menyenaraikan penyelidikan yang telah beliau laksanakan berkaitan sistem pengurusan maklumat wakaf iaitu Pembangunan Sistem Maklumat Wakaf Daerah Pontian pada tahun 2000, *Geographic Information System for the Management of Wakaf Information System* pada tahun 2003 dan Sistem Maklumat Harta Tanah Wakaf untuk Majlis Agama Islam Johor pada tahun 2004. Di Selangor pula, tinjauan awal mendapati Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mengambil inisiatif mewujudkan Wakaf Selangor Online yang mula digunakan pada November 2016, antara fungsi sistem ini adalah penerimaan Wakaf Am melalui pembayaran di atas talian menggunakan *Financial Process Exchange (FPX)*. Selain daripada itu, sistem ini membolehkan pewakaf mendaftar sebagai pengguna untuk tujuan semakan transaksi, kemaskini dan beberapa fungsi lain. Sistem ini bakal diluaskan iaitu penambahan fungsi terimaan Wakaf Khas pula. Buat masa ini, pengurusan sistem wakaf adalah melalui Skim Infaq yang mana prosesnya adalah secara *back end*, manakala penggunaanya adalah kakitangan PWS sahaja dan tidak dikongsi dengan jabatan lain. Di PWS, agensi ini juga mempunyai sistem *Geographical Information System (GIS)*, yang dinamakan Sisdata 2.0 yang berfungsi merekodkan maklumat tanah dengan pemetaan yang agak baik. Pemilik bagi sistem Sisdata 2.0 adalah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) namun begitu PWS dibenarkan untuk menggunakan sistem tersebut kerana bagi harta wakaf, MAIS adalah sebagai pemegang

amanah sebenar wakaf manakala PWS pula hanya melaksanakan fungsinya seperti yang dinyatakan di bawah Perintah Penubuhan PWS.

Perbincangan

Sorotan literatur di atas menunjukkan wujud beberapa jurang berkaitan dengan pengurusan maklumat wakaf di agensi wakaf negeri di Malaysia. Bagi mengatasinya, adalah satu perkara yang mendesak untuk membangunkan satu sistem pengurusan wakaf yang bersepadu dan komprehensif serta dapat menguruskan maklumat wakaf dengan lebih berkesan. Walaupun pelbagai sistem pengurusan maklumat wakaf telah dibangunkan oleh pelbagai agensi wakaf di Malaysia seperti yang dibentangkan juga di atas, namun sistem yang dibangunkan didapati khusus untuk projek wakaf tertentu seperti sektor pertanian (Muhd Eizan et al. 2014) dan sistem e-wakaf tunai (Othman et al. 2011). Disamping itu kajian lampau menunjukkan sistem sedia ada tidak dapat menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pemegang taruh seperti dakwaan Rabitah, Zuraidah & Norhidayah (2012). Namun begitu, adalah tidak adil untuk menyalahkan mana-mana pihak di atas kelemahan ini kerana sejarah pengurusan maklumat wakaf di Malaysia secara relatifnya adalah sangat baharu bermula pada tahun 1952. Justeru, penulis mendapati adalah wajar satu kajian bagi membangunkan sistem pengurusan maklumat wakaf yang bersepadu dan komprehensif, iaitu satu sistem yang dapat digunakan oleh pelbagai jenis wakaf dapat dijalankan. Bagi tujuan membangunkan sistem, aspek sosial juga perlu diberikan perhatian sistem pengurusan maklumat tidak hanya berkaitan dengan teknologi semata-mata. Kejayaan sistem maklumat bergantung kepada pelbagai faktor dan dibina secara sosial yang mana tertakluk kepada pandangan pihak pemegang taruh. Malah Hevner et al. (2004), Finch & Olson (2003) dan Bikram & Himanshu (2013) membuktikan bahawa salah satu dan faktor kritikal kejayaan sesuatu sistem pengurusan maklumat adalah faktor budaya dan persekitaran sistem ini dibangunkan.

Selain mengambil kira faktor sosial, pembangunan sistem maklumat juga perlu kepada kajian perbandingan apatah lagi dalam membangunkan sistem maklumat wakaf yang kompleks sifatnya. Sistem maklumat wakaf ini kompleks kerana melibatkan pelbagai entiti seperti pewakaf, mutawalli, harta wakaf, bentuk pembangunan harta wakaf dan penerima manfaat wakaf. Satu kajian perbandingan dengan sistem pengurusan maklumat wakaf negara tertentu seperti Turki boleh dijalankan. Sejarah wakaf Turki wajar dikaji dengan mendalam kerana ia mempunyai sejarah bermula daripada wakaf pertama yang didaftar pada tahun 1048. Sehingga kini terdapat lebih 35,000 waqfiyya atau akad wakaf berdaftar (*waqf deeds*).

Keupayaan mentadbir maklumat wakaf ratusan tahun dijangka disebabkan tradisi pengurusan maklumat yang boleh dipercayai (*reliable*). Tradisi yang berkesan ini perlu dikenalpasti kerana kejayaan sesuatu sistem pengurusan maklumat tidak hanya bergantung kepada teknologi semata-mata, tetapi faktor sosial dan persekitaran juga menjadi salah satu penentunya. Di samping tradisi pengurusan maklumat wakaf di Turki, terdapat juga satu sistem perisian khas yang telah dibangunkan untuk mengarkibkan sijil sejarah yang dimiliki oleh 41,720 yayasan wakaf selari dengan perspektif penyimpanan rekod moden. Dokumen bertulis lain (waran, surat ikatan, sijil, dan lain-lain) sejak dari zaman Seljuk dan Uthmaniyyah dikumpul atau diimbas dan direkodkan dalam mikrofilem dan arkib digital termasuk dalam projek *Foundation Archive Management System (FAMS)*. Dari segi organisasi pula, *The Directorate General of Foundations* adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengurus dan mengaudit yayasan wakaf yang wujud sejak Empayar Othmaniah sehinggalah sekarang. Institusi yang ditubuhkan pada 2 Mei 1920 menguruskan estet dan menjalankan pemulihan sekitar 18,500 bangunan bersejarah dan 67,000 estets serta mengurus kira-kira 38,000 orang pekerja. Data dan maklumat dari kajian perbandingan menyeluruh dijangka dapat membantu pembangunan model konseptual dan seterusnya pembangunan sistem pengurusan maklumat wakaf yang bersepadu.

Kesimpulan

Sejarah membuktikan wakaf memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ummah melalui pelbagai bidang. Menyedari kepentingan serta amanah yang menyertai sesuatu harta wakaf, adalah menjadi kewajipan ia diuruskan dengan sebaik-baiknya agar manfaatnya dapat digunakan selama dan semaksima yang mungkin. Antara perkara yang perlu diselenggara dengan baik adalah semua maklumat berkaitan dengan harta yang diwakafkan. Kajian menunjukkan beberapa jurang berkaitan pengurusan maklumat wakaf agensi wakaf negeri di Malaysia antaranya ketidakupayaan menyediakan maklumat wakaf yang sewajarnya kepada masyarakat dan kegagalan membangunkan tanah-tanah wakaf berikutan maklumat harta wakaf yang tidak lengkap. Dengan teknologi maklumat yang semakin maju, satu sistem pengurusan maklumat wakaf bersepadu sewajarnya dibangunkan. Namun bagi meminimumkan kegagalan dalam membangunkan sistem, kajian sosial berkaitan dengan sistem pengurusan maklumat wakaf perlu dijalankan. Disamping itu, kajian perbandingan dengan sistem maklumat wakaf sedia ada juga baik untuk dijalankan supaya kelemahan sistem sedia ada dapat elakkan manakala kelebihan sistem sedia ada dapat dimplementasikan. Kesimpulannya, kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:-

NO	PERMASALAHAN	CADANGAN
1	Tiada rekod yang bersepadu dan komprehensif untuk pengurusan maklumat wakaf	Memperkenalkan sistem yang bersepadu dan komprehensif termasuk penyimpanan rekod dan data arkib untuk pengurusan wakaf di Malaysia
2	Terdapat pelbagai jenis dan sistem pengurusan wakaf yang menggunakan teknologi seperti sistem <i>tree</i> , <i>GIS</i> , arkib dan sebagainya.	1) Sistem bersepadu yang akan dibangunkan perlu beritegrasi sepenuhnya dengan sistem-sistem sedia ada. 2) Sistem bersepadu yang ingin diperkenalkan perlu juga mematuhi syarat-syarat utama wakaf seperti pewakaf, mutawalli, harta wakaf, bentuk pembangunan harta wakaf dan penerima manfaat wakaf. 3) Memastikan semua elemen sistem maklumat seperti manusia, data, perkakasan, perisian, rangkaian dan prosedur dipatuhi. 4) Perbandingan dengan sistem-sistem sedia ada di negara lain seperti Turki dan sebagainya bagi memastikan sistem bersepadu ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin di masa akan datang.
3	Kesukaran untuk memastikan kejayaan penggunaan sistem pengurusan wakaf bersepadu di Malaysia	Pengenalan sistem pengurusan wakaf bersepadu ini perlu mengambil kira faktor sosial, budaya dan persekitaran serta tidak hanya bergantung kepada teknologi semata-mata.

Rujukan

- Bikram Pal Kaur & Himanshu Aggrawal. (2013). Exploration of Success Factors of Information System. IJCSI International Journal of Computer Science Issues, Vol. 10, Issue 1, No 2, January 2013. ISSN (Print): 1694-0784 | ISSN (Online): 1694-0814. www.IJCSI.org
- Che Zuina Ismail, Nor Jana Salim & Nor Jawanees Ahmad Hanafiah. (2015). Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. Vol 6 No 4 S2.
- Essays, UK. (November 2013). Major Causes of Information Systems Failure Information Technology Essay. Retrieved from <https://www.ukessays.com/essays/information-technology/major-causes-of-information-systems-failure-information-technology-essay.php?cref=1>

- Fayzee, A.A.A. (1974), *Outlines of Muhammadan Law*, 4th ed., Oxford University Press, Delhi.
- Hidayatul Ihsan, Shahul Hameed Hj. Mohamed Ibrahim. (2011). "WAQF accounting and management in Indonesian WAQF institutions: The cases of two WAQF foundations", *Humanomics*, Vol. 27 Issue: 4, pp.252-269, <https://doi.org/10.1108/08288661111181305>
- Hisham. Y. (2013). Waqf history and legislation in Malaysia: a contemporary perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 3(6), 387-402.
- Mahamood, S.M. (2006), *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspectives*, Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Maznah Zakaria, Mohamat Sabri Hassan, & Radziah Abdul Latiff. (2014). Pelaporan Wakaf di Malaysia: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9), Terengganu.
- Monzer Kahf. (2011). Waqf and its sociopolitical aspects. In Kahf, M & Siti Mashitoh, Mahamod (eds.) *Essential Reading in Contemporary Waqf Issue*. Kuala Lumpur. CERT.
- Muhd Eizan Shafiq Abd Aziz, Mohd. Ikhsan Md. Raus, Wan Azmi Wan Ahmad, Muhammad Muzakir Othman, Mohd Hafiz Abdul Wahab. 2014. Economics of *Waqf* of Tree Information Management System (WaTMS): A Proposed WaTMS Model for Practitioners and Future Researcher. WCIT2014 2nd World Conference on Islamic Thought & Civilization Rise & Fall of Civilization Contemporary States of Muslim Affairs, At Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Volume: 9789675480102.
- Nurul Iman. (2017). *Wakaf Untuk Kemandirian Pendidikan*. Penerbit WADE. Ponorogo.
- Norinah Mohd Ali, Rubi Ahmad, and Nurul Shanaz Ahmad Mahdzan. (2015). The need of an effective business model for waqf land development in Malaysia. Paper presented at The 20th International Research Conference on Business, Economics, and Social Sciences (IRC-2015), Istanbul, 5-6 December 2015.
- Othman, M. M. B., Seman, W. A. B. W. A., Abdul, M. H. B., Wahab, M. I. M. R., & Aziz, M. E. S. A. Peranan ICT Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia.

- Rabitah Harun, Zuraidah Mohamed Isa and Norhidayah Ali. (2012, January). Preliminary findings on Waqf management practices among Selected Muslim Countries. In *International Conference on Economics Marketing and Management, Hongkong* (pp. 5-7).
- Muhamad Kholid, Raditya Sukmana, Kamal Abdelkarim Hassan. 2009. Waqf Management through Sukuk Al-intifa'a: A Generic Model. *AWQAF*, Ninth Year, No.17.
- Rosnia Masruki and Zurina Shafii. (2013). The development of waqf accounting in enhancing accountability. *Middle-east journal of scientific research* 13 (research in contemporary islamic finance and wealth management)", available at: [www.idosi.org/mejsr/mejsr13 \(cifwm\)13/1.pdf](http://www.idosi.org/mejsr/mejsr13 (cifwm)13/1.pdf) (accessed 23 September 2017).
- Zakaria, M., Hassan, M. S., & Latiff, R. A. (2014). Pelaporan Wakaf di Malaysia: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9), Terengganu*.
- Vermaat, M. E., Sebok, S. L., Freund, S. M., Campbell, J. T., & Frydenberg, M. (2016). *Discovering Computers: Tools, Apps, Devices, and the Impact of Technology*. Boston: Cengage Learning.